

TRADISI PENGEBUMIAN KUBUR GANTUNG DALAM MASYARAKAT  
KAMPUNG TELLIAN, MUKAH, SARAWAK: 1800-1900


SHERRYLYN KANG



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



Sila tanda (\checkmark)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20.....(hari bulan).....9..... (bulan) 2019.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SHERRYLYN KANG, M20142002436 (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TRADISI PENGEBUMIAN KUBUR GANTUNG DALAM MASYARAKAT MELANAU KAMPUNG TELLIAN, MUKAH, SARAWAK, 1800-1900.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

SH

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Adnan Jusoh (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Tradisi Pengebumian Kubur Gantung dalam Masyarakat Melanau Kampung Tellian, Mukah, Sarawak, 1800-1900.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20/9/2019

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. ADNAN JUSOH  
Persyarahan  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

ajuk / Title:

Tradisi Penguburan Kubur Gaungup dalam Masyarakat  
Melanau Kampung Telian, Mukah, Sarawak, 1800-1900.

o. Matrik / Matric No.:

M20142002436

aya / I :

Shenglyn Kang

(Nama pelajar / Student's Name)

engaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat  
gunaan seperti berikut:-

*I acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau  
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia  
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official  
Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah dientarkan oleh  
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains  
restricted information as specified by the organization where research  
was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: \_\_\_\_\_

PROF MADYA DR. ADNAN JUSOH

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Calatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan  
dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related  
authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan telah memimpin dan memberkati saya sepanjang saya menyempurnakan tesis ini. Dalam ruangan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Prof. Madya Dr. Adnan Bin Jusoh kerana telah memberikan bimbingan, sokongan dan membantu saya sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr. Rabaah Binti Abdullah yang turut membimbing dan menasihati saya dalam melengkapkan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara, Arkib Negeri Sarawak, Muzium Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Perpustakaan CAIS, UNIMAS, Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI, Muzium Mini Sapan Puloh dan Lamin Dana kerana membernarkan saya untuk merujuk bahan primer dan sekunder sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada penduduk Kampung Tellian yang kerana memberikan kerjasama dan layanan yang sangat baik kepada saya sepanjang saya menjalankan kerja lapangan di Kampung Tellian. Sepanjang menjalankan kajian ini saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu dari aspek sumbangan idea dalam memantapkan lagi kajian ini.

Selain itu, dalam ruangan ini juga saya ingin menyatakan penghargaan saya kepada Pengetua dan rakan-rakan guru di SMK Semerah Padi, Kuching kerana sangat memahami dan memberikan kerjasama yang baik kepada saya dengan memudahkan urusan saya dalam melaksanakan kajian ini.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu dan bapa saya Encik Kang Lampung dan Puan Molly Sulo Padan yang tidak putus-putus memberikan sokongan moral kepada saya. Begitu juga adik-beradik saya, Amy Ubong Kang, Yettie Klaudia Kang, Roben Tase Kang dan Samuel Siang Kang yang banyak membantu saya dari segi kewangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan penghargaan kepada rakan-rakan saya iaitu Frank Yaski Richon, Alieja Eban, Nor Samihah Nordin, Tan Soon Chin, Nur Jamilatul Husna Ismail dan rakan lain yang banyak memberikan sokongan dan bantuan kepada saya sehingga tesis ini berjaya disempurnakan. Semoga Tuhan sentiasa memberkati segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan.





## ABSTRAK

Objektif kajian ini memfokuskan tentang tradisi pengebumian kubur gantung dalam kalangan masyarakat Melanau tradisional di Kampung Tellian, Mukah, Sarawak. Kajian ini merangkumi asal-usul masyarakat Melanau, proses pengebumian tradisional, analisis fizikal dan kesinambungan dengan kepercayaan Likow serta status social seseorang individu. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menekankan kaedah etnoarkeologi dengan membuat kajian lapangan ke kawasan kajian iaitu di Kampung Tellian. Dengan kaedah tersebut, maklumat mengenai tingkah laku dan sosiobudaya masyarakat Melanau dapat dikaitkan dengan kewujudan kubur gantung di kampung tersebut. Rujukan ke perpustakaan tempatan seperti Pustaka Negeri Sarawak juga dilakukan untuk menganalisis sumber-sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian. Kaedah temu bual juga dilakukan bersama-sama sejarawan tempatan di Kampung Tellian untuk mengesahkan kesahihan maklumat sekunder yang telah dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kubur gantung merupakan pengebumian yang dikhaskan untuk golongan bangsawan dan juga pertengahan yang kaya sahaja sebelum dikebumikan di dalam *jerunei*. Hal ini membuktikan bahawa kubur gantung ini sememangnya merupakan pengebumian primer masyarakat Melanau Likow. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan secara fizikal dari segi bentuk pembinaan kubur gantung golongan bangsawan dan golongan pertengahan. Pengebumian kubur gantung telah berkurangan semenjak campur tangan penjajah Inggeris bermula pada tahun 1860 apabila pengebumian *jerunei* dilarang untuk dipraktikkan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa tradisi pengebumian ini sudah tidak diamalkan lagi disebabkan oleh beberapa faktor. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk mengenali kewujudan kubur gantung terutamanya dari segi ciri-ciri fizikalnya yang mampu mencerminkan taraf hidup dan status social seseorang individu dalam masyarakat. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini sangat penting khususnya kepada pihak Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia dalam usaha untuk mengekalkan dan menyebarluaskan pengetahuan berkaitan kubur gantung yang semakin pupus. Di samping itu, kajian ini juga memberi sumbangan yang sangat bermakna kepada masyarakat tempatan mahupun luar negara dalam mengenali dan sekaligus memahami tradisi pengebumian di Sarawak dan Melanau amnya.





## ABSTRACT

### THE BURIAL TRADITION OF HANGING BURIAL AMONG MELANAU COMMUNITY AT KAMPUNG TELLIAN, MUKAH, SARAWAK: 1800-1900

This study focuses on the traditional burial of hanging tomb among the Melanau community in Kampung Tellian, Mukah, Sarawak. This study covers the origin of Melanau society, the process of traditional burial, physical analysis and its continuity with Likow's beliefs and individual status. This study uses a qualitative approach by emphasizing the ethnoarchaeology method by field research to the research area in Kampung Tellian. Through this method, information on the behaviour and socioeconomics of the Melanau community can be attributed to the existence of burial tombs in the village. References to the local library such as Pustaka Negeri Sarawak are also conducted to analyse the secondary sources related to the study. The interview method was also conducted with local historians at Kampung Tellian to verify the authenticity of secondary informations that had been analysed. The findings show that a burial tomb is a funeral that only reserved for the nobility and the riches just before being buried in *jerunei*. The proves that shows that there are physical differences in the form of the constructions of the tomb of the nobility and the middle class. This burial has reduced since the British colonial intervention began in 1860 when the *jerunei* burial was forbidden to be practiced. In conclusion, this study shows that this burial tradition has not been practiced again due to several factors. Therefore, this study is very important to recognize the existence of the hanging burial, especially in terms of their physical society. Overall, the implication of this study is very important especially to the Department of National Heritage and the Department of Museums Malaysia in their effort to preserve and disseminate knowledge related to the hanging tomb. In addition, this study also contributed significantly to local and foreign communities in recognizing and understand the burial traditions of Sarawak and Melanau in general.





## KANDUNGAN

### Halaman

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>DAFTAR KATA</b>	xvii

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Kajian Lepas	4
1.4	Permasalahan Kajian	12
1.5	Objektif Kajian	13





1.6	Persoalan Kajian	13
1.7	Metodologi Kajian	14
	1.7.1 Kepustakaan	14
	1.7.2 Etnoarkeologi	15
	1.7.3 Temu Bual	15
	1.7.4 Pemerhatian	16
1.8	Kepentingan Kajian	17
1.9	Skop Kajian	19
1.10	Pembahagian Bab	20
	1.10.1 Bab 1	20
	1.10.2 Bab 2	20
	1.10.3 Bab 3	21
	1.10.4 Bab 4	22
	1.10.5 Bab 5	22
	1.10.6 Bab 6	22
1.11	Kesimpulan	22



<b>BAB 2</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>	
2.1	Pendahuluan	24
2.2	Daerah Mukah, Sarawak	25
2.3	Kampung Tellian	27
2.4	Asal Usul Melanau	30
2.5	Petempatan Orang Melanau	32
2.6	Kegiatan Ekonomi	35
2.7	Hubungan Sosial	37





2.8	Struktur Sosial Orang Melanau	39
2.8.1	Perkumpulan Petempatan	39
2.8.2	Hubungan Kekerabatan	41
2.8.3	Hubungan Adat Bangsa	42
2.9	Kepercayaan dan Adat Masyarakat Melanau Tradisional	52
2.9.1	Sistem Kepercayaan <i>Likow</i>	53
2.9.2	Sistem Adat	57
2.10	Kesimpulan	63

### **BAB 3 PRAKTIS PENGEBUMIAN TRADISIONAL MASYARAKAT MELANAU**

3.1	Pendahuluan	66
-----	-------------	----



3.2	Jenis Pengebumian Sekunder	68
3.3.1	Pengebumian Sekunder Masyarakat Berawan	70
3.3.2	Pengebumian Sekunder Masyarakat Seping	71
3.3.3	Pengebumian Masyarakat Sekapan	73
3.3.4	Pengebumian Sekunder Masyarakat Dayak Ngadju (Indonesia)	73
3.3.5	Pengebumian Sekunder Masyarakat Dayak Ma'anyan (Indonesia)	74
3.3.6	Pengebumian Sekunder Masyarakat Maloh / Embaloh (Indonesia)	76
3.3.7	Pengebumian Sekunder Masyarakat Kadazandusun (Sabah)	77





3.3.8	Pengebumian Sekunder Masyarakat Hanuno Mangyan (Filipina)	78
3.4	Amalan Pengebumian Melanau Likow Kampung Tellian	79
3.5	Amalan Sebelum Pengebumian	81
3.5.1	Amalan Menghias Mayat	81
3.5.2	Amalan Mendirikan <i>Pakat</i>	84
3.5.3	Amalan <i>Mu'aih</i>	91
3.5.4	Amalan <i>Peligin</i>	96
3.6	Amalan Selepas Pengebumian	99
3.6.1	Amalan <i>Piup</i>	99
3.6.2	Amalan <i>Platow</i>	110
3.6.3	Amalan <i>Radin</i>	113
3.6.4	Amalan <i>Mulid</i>	122
3.7	Kesimpulan	122

## BAB 4 ANALISIS PENGEBUMIAN MASYARAKAT MELANAU DI KAMPUNG TELLIAN

4.1	Pendahuluan	123
4.2	Praktis Pengebumian Masyarakat Melanau Tradisional di Kampung Tellian	125
4.2.1	Tradisi Pengebumian Kubur Gantung	125
4.2.2	Tradisi Pengebumian <i>Jerunei</i>	132
4.3	Analisis Fizikal kubur Gantung	135
4.3.1	Kubur Gantung A	144
4.3.2	Kubur Gantung B	162





4.3.3	Kubur Gantung C	178
4.4	Perbandingan Kubur Gantung di Kampung Tellian	183
4.4.1	Lokasi Tapak Pengebumian	184
4.4.2	Struktur Fizikal Kubur Gantung	185
4.4.3	Keranda Gantung	200
4.5	Interpretasi Keranda kubur Gantung	206
4.5.1	Keranda Berbentuk Perahu	206
4.5.2	Ukiran Motif Binatang	209
4.6	Analisis Objektif Pengebumian	217
4.6.1	<i>Meluku</i>	218
4.6.2	Butang Baju	221
4.6.3	<i>Manik Tilek</i>	223



## BAB 5 CABARAN DALAM MENGEKALKAN TAPAK PENGEBUMIAN KUBUR GANTUNG DI KAMPUNG TELLIAN

5.1	Pendahuluan	227
5.2	Faktor	228
5.2.1	Faktor Agama	228
5.2.2	Perkembangan Pendidikan	236
5.2.3	Kekurangan Tukang Ukir	238
5.2.4	Kekurangan <i>A-Bayoh</i>	240
5.2.5	Persamaan Taraf Sosial	244
5.2.6	Kekurangan Kayu Belian	249





5.2.7	Pencemaran Bau	254
5.2.8	Wabak Penyakit	257
5.2.9	Undang-Undang Moden	259
5.3	Kesimpulan	261
<b>BAB 6 KESIMPULAN</b>		
6.1	Penutup	263
<b>RUJUKAN</b>		268
<b>LAMPIRAN</b>		273





## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Maklumat kubur gantung yang dikaji	143
4.2	Ukuran Fizikal Kubur Gantung A	149
4.3	Maklumat Kubur Gantung A (Keranda I)	154
4.4	Maklumat Kubur Gantung A (Keranda II)	160
4.5	Ukuran Fizikal Kubur Gantung B	166
4.6	Maklumat Kubur Gantung B (Keranda I)	169
4.7	Maklumat Kubur Gantung B (Keranda II)	172
4.8	Maklumat kubur Gantung B (Keranda III)	176
4.9	Ukuran Fizikal Kubur Gantung C	180
4.10	Maklumat Kubur Gantung C (Keranda I)	182
4.11	Perbandingan Kubur Gantung A dan Kubur Gantung B	194
4.12	Perbandingan Kubur Gantung A dan Kubur Gantung C	197
4.13	Perbandingan Kubur Gantung B dan Kubur gantung C	199
4.14	Perbandingan Saiz Keranda Kubur Gantung	201
4.15	Perbandingan Bentuk dan Motif Keranda	205





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
2.1 Lamin Dana	29
2.2 Pembahagian Kumpulan Melanau	33
2.3 Struktur Sosial Melanau	39
2.4 Pengelasan Hubungan Kekerabatan Melanau Tradisi	41
2.5 Struktur Sosial Melanau Sebelum Kedatangan Brunei	44
2.6 Struktur Sosial Melanau Selepas Kedatangan Brunei	50
2.7 Dunia Menurut Kepercayaan Melanau Likow	58
3.1 Amalan Sebelum Upacara Pengebumian	81
3.2 Amalan Menghias Mayat	83
3.3 Replika Pakat Golongan Bangsawan	86
3.4 Replika Pakat Golongan Pertengahan	87
3.5 <i>Jangaiya</i>	89
3.6 Replika Mayat dan Pinggan <i>Meluku</i>	90
3.7 Amalan <i>peligin</i>	98
3.8 Amalan Selepas Pengebumian	99
3.9 Jenis <i>piup</i>	101
3.10 <i>Bulieng</i> Berbentuk Rumah	105
3.11 Damar Dalam Tempurung Kelapa	107
3.12 Pakaian Janda Berkabung	119





4.1	Peta Taburan Kubur Gantung di Kampung Tellian, Mukah	142
4.2	Peta Tapak Kubur Gantung A	145
4.3	Kubur Gantung A	146
4.4	Kubur Gantung A (Keranda I)	151
4.5	Perbandingan Motif Naga Cina dengan Kubur Gantung A (Keranda I)	152
4.6	Kubur Gantung A (Keranda II)	157
4.7	Peta Tapak Kubur Gantung B	163
4.8	Kedudukan Asal Kubur Gantung B	164
4.9	Kubur Gantung B	165
4.10	Kubur Gantung B (Keranda I)	168
4.11	Kubur Gantung B (Keranda II)	171
4.12	Kubur Gantung B (Keranda III)	175
4.13	Peta Tapak Kubur Gantung C	178
4.14	Kubur Gantung C	179
4.15	Kubur Gantung C (Keranda I)	181
4.16	Konsep Ruang Melanau Tradisional	184
4.17	Ciri Pembinaan Struktur Kubur Gantung	186
4.18	<i>Bakut</i> Kubur Gantung Golongan Bangsawan dan Golongan Pertengahan	187
4.19	Pasu / Tempayan Atas Permukaan Tanah	189
4.20	Pasu / Tempayan Ditanam Separuh Dalam Tanah	190
4.21	Pasu / Tempayan Ditanam Dalam Tanah	191
4.22	Kubur Gantung Tanpa Pasu / Tempayan	192
4.23	Kubur Gantung A dan Kubur Gantung B	193





4.24	Kubur Gantung A dan Kubur Gantung C	196
4.25	Kubur Gantung B dan Kubur Gantung C	298
4.26	Carta Perbandingan Panjang Keranda	202
4.27	Carta Perbandingan Tinggi Keranda	203
4.28	Carta Perbandingan Lebar Keranda	204
4.29	‘Death Ship’ di Gua Kain Hitam, Gua Niah	211
4.30	Bentuk Ukiran Pada Bahagian Hulu Keranda  Salah Sebuah ‘Death Ship’	212
4.31	Hulu Kubur Gantung A (Keranda I) dan  Kubur Gantung B (Keranda I)	213
4.32	Bahagian Tengah Kubur gantung A (Keranda I)	215
4.33	Corak Bahagian Tepi Kubur Gantung A (Keranda I)	215
4.34	Bahagian Kaki kubur Gantung A (Keranda I)  Bahagian Kaki Kubur Gantung B (Keranda I)	215
4.35	Bahagian Kaki Kubur Gantung B (Keranda I)	216
4.36	<i>Meluku</i>	220
4.37	Butang Baju Tradisional	222
4.38	Manik Tilek	224
5.1	Kayu Belian	252
5.2	Tiang Kayu Belian	253





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

## SENARAI SINGKATAN

Bil	Bilangan
cm	Sentimeter
m	Meter
KG	Kubur Gantung



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xviii

## SENARAI LAMPIRAN

### Halaman

A	Peta Negeri Sarawak	273
B	Peta Kampung Tellian, Mukah	274
C	Peta Petempatan Melanau di Sarawak	275
D	Gambar <i>Jerunei</i> (Tiang pengebumian)	276
E	Gambar Pakat dan barang iringan si mati	277
F	Gambar Motif Naga Pada Katil Pengantin	278



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## DAFTAR KATA

<i>a-bayoh</i>	bomoh
<i>agak</i>	keranda
<i>Ala-tala</i>	Tuhan
<i>amow</i>	makhluk halus
<i>a-nyat</i>	golongan aristokrat
<i>a-liko</i>	orang dari kawasan sungai
<i>a-sega</i>	hubungan sepupu
<i>a-suku</i>	saudara jauh





<i>erong</i>	keranda dalam bahasa Toraja
<i>guun</i>	kawasan hutan
<i>ipok / ipu'</i>	makhlus halus yang menjadi penjaga rumah (Morris 1997:356)
<i>jerunei</i>	tiang pengebumian sekunder
<i>jingaya</i>	roh halus yang menjadi penunjuk jalan kepada roh manusia di dunia orang mati
<i>Kaul</i>	upacara pembersihan dan kesyukuran kepada makhluk halus di laut
<i>keman</i>	makan
<i>keman keling</i>	ritual tradisional Melanau Likow bertujuan untuk menguatkan semangat
<i>kulad benukan</i>	gelaran lain untuk hamba
05-4506832	<i>lamin dana</i> Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
<i>lemidin</i>	sejenis pucuk paku
<i>likow</i>	kepercayaan tradisional Melanau / kampung
<i>likow a-matai</i>	dunia orang mati (Morris 1997:13)
<i>likow bah bau</i>	dunia kayangan
<i>likow dagen dua</i>	dunia manusia
<i>likow bah dibak</i>	dunia bawah / dunia orang mati
<i>nabun</i>	bonggol merah di atas katil pengebumian individu aristokrat
<i>nulang</i>	upacara mengumpul tulang dalam tradisi pengebumian sekunder kaum Berawan
<i>pakat</i>	katil pengebumian
<i>Peng</i>	roh yang membawa si mati ke dunia orang mati
<i>Pangeran</i>	gelaran kepada lelaki dari keturunan bangsawan dari Brunei





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xxi

<i>penyekab</i>	pemberian / hantaran perkahwinan
<i>pikul</i>	unit ukuran Melanau
<i>piup</i>	amalan perkabungan
<i>sembilan pikul</i>	golongan aristokrat
<i>sepiro</i>	pangkin kubur gantung kaum Seping
<i>salong</i>	kubur gantung
<i>tagen</i>	hubungan kekeluargaan yang rapat
<i>terendak</i>	topi tradisional Melanau
<i>ti'aeng</i>	kubur
<i>tujuh pikul</i>	golongan rakyat pertengahan yang berada
<i>tujuh bertirih</i>	golongan rakyat bebas
<i>uma</i>	kawasan pertanian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Di Sarawak, salah satu kawasan yang pernah mengamalkan kebudayaan dan tradisi pengebumian sekunder ialah terletak di daerah Mukah, iaitu Kampung Tellian.

Kumpulan masyarakat yang mendiami kawasan tersebut ialah masyarakat Melanau.

Masyarakat Melanau merupakan salah satu kaum yang terbesar mendiami bumi Sarawak. Berdasarkan penulisan Morris, perkataan Melanau telah wujud dalam peta Eropah sejak tahun 1595 dengan perkataan '*'Malano'*'.<sup>1</sup> Meskipun sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu Sarawak, masyarakat Melanau tetap mempunyai budaya dan adat resam mereka yang tersendiri antaranya adalah dari segi kelahiran, perkahwinan dan juga kematian. Secara umumnya, sistem kepercayaan yang banyak mempengaruhi masyarakat ini dalam upacara pengebumian termasuklah kaum Melanau. Dalam upacara pengebumian tradisional, masyarakat Melanau terkenal dengan pengebumian dalam *jerunei*. Dari segi istilah, *jerunei* merupakan sebuah pengebumian tradisional oleh masyarakat Melanau pada zaman dahulu.

<sup>1</sup> John Noakes, *The forgotten land*, Sarawak Gazette Vol LXXV, No.1094, 1949, hlm. 99.





Walau bagaimanapun, kajian ini lebih memfokuskan kepada pengebumian dalam kubur gantung. Tradisi pengebumian kubur gantung yang telah dipraktiskan oleh masyarakat Melanau pada zaman dahulu adalah disebabkan oleh sebab tertentu yang menjadi tarikan untuk menjalankan kajian ini. Sama seperti *jerunei*, kubur gantung juga dipercayai telah wujud selama beratus-ratus tahun dahulu. Walaupun pengebumian kubur gantung tidak lagi digunakan pada masa kini, namun tapak tinggalan kubur gantung masih lagi wujud di beberapa kampung Melanau di Mukah termasuklah di Kampung Tellian.

## 1.2 Latar Belakang

Selain untuk memberikan penghormatan terakhir kepada si mati, pengebumian juga

melambangkan penghantaran si mati ke dunia yang seterusnya, iaitu dunia orang mati.

Cara pengebumian dapat mencerminkan sistem sosial, kepercayaan, agama dan juga budaya masyarakat pada sesuatu zaman lampau. Dalam konteks orang Melanau tradisional, pengebumian yang dilakukan pada zaman tradisional adalah untuk menunjukkan status sosial dan jugakekayaan seseorang individu dan keluarganya dalam masyarakat setempat. Oleh yang demikian, pengebumian merupakan salah satu peristiwa yang penting dalam sosial masyarakat Melanau untuk mencerminkan status dan pangkat si mati dalam masyarakat. Oleh kerana masyarakat ini sangat mementingkan status sosial, maka wujud dua jenis pengebumian, iaitu pengebumian primer dan sekunder yang masing-masing diwakili dengan pengebumian kubur gantung dan juga pengebumian dalam *jerunei*. Kedua jenis pengebumian ini adalah untuk membezakan golongan bangsawan daripada golongan kebanyakan.





Kampung Tellian terletak di bahagian Mukah di Sarawak. Majoriti penduduk yang mendiami bahagian Mukah terdiri daripada masyarakat Melanau. Masyarakat ini mempunyai corak kehidupan, sistem pekerjaan serta adat yang kuat dan tidak dapat dilupakan sehingga hari ini. Namun demikian, terdapat juga perkara yang telah berubah mengikut peredaran zaman. Penduduk yang tinggal di Kampung Tellian juga mengalami perkara yang sama. Keadaan ini kebanyakannya dapat dilihat dari segi agama dan kepercayaan masyarakat tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui tapak perkuburan yang terdapat di kampung tersebut. Walaupun zaman telah beralih ke abad-21, namun, kubur lama yang masih lagi wujud dalam kampung berkenaan. Kubur lama ini dipercayai telah wujud sejak beratus tahun dahulu oleh masyarakat kampung tersebut. Kubur ini merupakan kubur gantung yang dipercayai telah dibina oleh masyarakat Melanau Likow di atas sebab yang tertentu. Kubur gantung di kawasan itu dibina disebabkan oleh pengaruh adat dan kepercayaan masyarakat berkenaan pada zaman dahulu.

Namun, pada zaman sekarang, pengebumian secara kubur gantung tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Melanau di Kampung Tellian. Hal ini demikian kerana kebanyakan anggota masyarakat ini telah beralih kepercayaan kepada agama Kristian dan Islam dan pengebumian secara moden lebih cenderung diamalkan oleh masyarakat tersebut. Pengebumian dalam masyarakat ini telah dijalankan secara pengebumian moden dan berdasarkan pegangan agama masing-masing.

Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk dijalankan agar sejarah pengebumian tradisional pada zaman dahulu tidak dilupakan oleh masyarakat pada masa kini. Selain itu, adalah sangat penting untuk generasi baru untuk mengetahui akan asal-usul mereka





yang telah diamalkan pada zaman dahulu walaupun ia telah tidak diamalkan lagi pada zaman sekarang.

### 1.3 Kajian Lepas

Kajian tentang pengebumian di Sarawak lazimnya tertumpu kepada dua jenis, iaitu pengebumian prasejarah dan juga pengebumian zaman tradisional. Di Sarawak penyelidikan arkeologi telah menjangkau usia lebih dari separuh abad bermula dengan penyelidikan oleh Tom Harrisson dan pasukannya pada tahun 1950an. Pelbagai jenis tapak arkeologi telah dikaji bermula dengan tapak arkeologi prasejarah kemudian diikuti dengan kajian di tapak arkeologi protosejarah sehingga ke jenis tapak arkeologi sejarah awal. Salah satu tapak yang sangat terkenal yang terdapat di Sarawak

ialah di Gua Niah. Penemuan sebuah tengkorak manusia awal yang berusia lebih daripada 40 000 tahun dahulu<sup>2</sup> membawa ramai pengkaji arkeologi dan paleontologi dari seluruh dunia sehingga tapak arkeologi lain menjadi seakan-akan terpinggir. Hal ini termasuklah beberapa aspek budaya seperti pengebumian dalam kalangan masyarakat tradisional Sarawak seolah-olah dikesampingkan.

Kajian mengenai arkeologi pengebumian pada awalnya telah dilakukan oleh Tom Harrisson bersama dengan pasukannya yang menumpukan kepada pengebumian prasejarah pada tahun 1950an sehingga 1960an. Tom Harrisson telah menjalankan ekskavasi di tapak Gua Kain Hitam di Gua Niah. Beliau telah menjumpai lukisan purba pada dinding gua dan juga beberapa keranda yang berbentuk perahu yang terletak

<sup>2</sup> Terry Harrison, *The palaeoecological context at Niah Cave, Sarawak: Evidence from the primate fauna*, Dept. Anthropology, New York University, 2011, hlm. 90.





berdekatan dengan lukisan tersebut. Kajian pada tahun 1960an telah memperlihatkan pelbagai elemen lukisan prasejarah yang menampakkan kesinambungan terhadap kepercayaan masyarakat tempatan yang akhirnya memberikan pengaruh terhadap tradisi pengebumian.<sup>3</sup>

Kajian arkeologi pengebumian di Gua Niah banyak menyentuh tentang kepelbagaian jenis pengebumian purba seperti pengebumian pependek, terduduk, tempayan, mutilasi dan beberapa jenis pengebumian lain.<sup>4</sup> Contohnya dalam penulisan Tom Harrisson yang bertajuk *Early Dates For ‘Seated’ Burial Matting At Niah Caves, Sarawak(Borneo)*. Penyelidikan ini hanya berfokuskan kepada pengebumian terduduk yang dijumpai di Gua Niah Sarawak. Barbara Harrisson juga telah menjalankan kajian arkeologi ke atas pengebumian di Gua Niah. Selain itu, terdapat juga kajian arkeologi pengebumian di Gua Niah yang dilakukan oleh pengkaji arkeologi lain seperti Lindsay Lloyd-Smith yang mengkaji semula tentang klasifikasi dan jurang pentarikhan pengebumian zaman Holocene Awal di Gua Niah yang pernah dilakukan oleh Tom Harrisson. Beliau menjalankan kajian ini adalah untuk menyatakan kajian yang dijalankan oleh Tom Harrisson adalah ralat disebabkan oleh masalah teknikal.<sup>5</sup> Kajian terhadap kajian yang pernah dilakukan oleh Tom Harrisson dan pasukannya juga telah dijalankan semula oleh Graeme Barker. Beliau telah mengkaji semula kubur pada zaman purba dan memperbaiki kesilapan yang dilakukan oleh pasukan Tom Harrisson. Satu kajian berkaitan dengan arkeologi pengebumian di Gua Niah juga pernah

<sup>3</sup> Tom Harrisson, *Stone age ships of death: World’s oldest boat coffins found in Sarawak caverns reveal ancient culture*, Life, January 11 1960, hlm. 49.

<sup>4</sup> Tom Harrisson, *Early dates for ‘seated’ burial matting at Niah Caves, Sarawak (Borneo)*, Asian Perspectives, Vol 18, No 2, 1975, hlm. 161-165.

<sup>5</sup> Lindsay Lloyd-Smith, *Early Holocene burial practice at Niah Cave, Sarawak*, Journal of Indo-Pacific Archaeology, 32, 2012, hlm. 14.





dikemukakan oleh John Krigbaum yang turut membincangkan tentang pengebumian di Gua Niah dalam penulisan beliau iaitu ‘Reconstructing Human Subsistence In The West Mouth, Niah Cave, Sarawak. Dapat disimpulkan di sini bahawa tiada satu pun kajian arkeologi tentang pengebumian tradisional dalam kalangan masyarakat pribumi di Sarawak kerana para pengkaji ini lebih memberikan perhatian terhadap pengebumian purba yang ada di Gua Niah.

Sungguhpun pengkaji arkeologi pengebumian ini hanya fokus kepada pengebumian prasejarah, namun terdapat jurang perbezaan yang luas antara kajian yang pernah dijalankan berbanding dengan yang akan dijalankan oleh penyelidik berkaitan dengan kubur gantung ini. Pertama adalah dari segi jangka masa ataupun usia tapak kajian. Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji pada masa lalu adalah lebih berfokus kepada pengebumian prasejarah yang telah berusia menjangkau 40 000 tahun yang lalu berdasarkan hasil analisis tulang yang ditemui.<sup>6</sup> Sedangkan tapak kubur gantung yang ditemui ini dikatakan seusia dengan *jerunei* iaitu beberapa ratus tahun yang dulu.

Selain di Gua Niah, Sarawak, Tom dan Barbara Harrisson juga turut mengembangkan eksplorasi dan kajian mereka ke Sabah pada tahun 1965. Fokus kajian mereka adalah terhadap pengebumian keranda kayu balak di sekitar gua dan pelindung batuan yang terletak di sepanjang tebingan Sungai Kinabatangan. Dalam kajian tersebut, mereka telah menemukan keranda kayu balak yang berbentuk mulut buaya terbuka, berkepala kerbau dan berbentuk kepala kijang. Manakala pada bahagian luar

<sup>6</sup> Tom Harrisson, *The prehistory of Borneo*, Asian Perspectives, XIII, 1970, hlm. 20.





penutup dan badan keranda pula mempunyai ukiran yang bermotifkan haiwan dan corak geometrik.<sup>7</sup>

Peter Bellwood yang merupakan seorang ahli arkeologi Barat juga turut menyatakan tentang pengebumian keranda kayu balak dalam kajiannya. Berdasarkan kajiannya, keranda kayu balak yang dijumpai di Madai, Sabah bertarikh sekitar 900 tahun yang lalu.<sup>8</sup> Walaupun Bellwood tidak menjalankan kajian secara terperinci terhadap keranda kayu balak tersebut, namun beliau mencatatkan bahawa terdapat lubang di dalam keranda kayu balak tersebut yang dipercayai berfungsi sebagai saliran untuk mengalir keluar cecair mayat. Sama seperti keranda gantung di Kampung Tellian, Sarawak, keranda kayu balak diperbuat daripada kayu belian dan mempunyai pola hias pada dinding luar keranda.



Di pantai barat Sabah iaitu di kawasan Kinabatangan dan Segama, Stephen Chia pernah menjalankan kajian arkeologi terhadap pengebumian tradisional masyarakat tempatan iaitu keranda kayu balak yang diamalkan oleh masyarakat Sungai, Kadazandusun, Murut dan beberapa etnik minoriti yang lain.<sup>9</sup> Kajian Stephen Chia adalah berkaitan dengan tapak pengebumian kayu balak yang terdapat di sepanjang Sungai Kinabatangan yang melibatkan pentarikhan dan juga pola hias keranda kayu balak yang dikaji.<sup>10</sup> Kajian Stephen Chia merekodkan bahawa pengebumian keranda kayu balak di kawasan Sungai Kinabatangan bertarikh seawal 1000 tahun dahulu.

<sup>7</sup> Tom Harrisson & Barbara Harrisson, *The prehistory of Sabah*, Sabah Journal Monograph, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, hlm. 33-34.

<sup>8</sup> Peter Bellwood, *Archaeological research in South-Eastern Sabah*, Sabah Museum Monograph, 2, Sabah Museum and State Archives, hlm. 120.

<sup>9</sup> Stephen Chia, *Pengebumian keranda kayu balak di Kinabatangan, Sabah*. Universiti Sains Malaysia Press, 2014, hlm. 13.

<sup>10</sup> Ibid. Hlm.10-19.





Keranda kayu balak yang ditemui mempunyai bentuk kepala kerbau dan hujungnya berbentuk ekor.<sup>11</sup>

Yunus Sauman juga pernah menjalankan kajian mengenai pengebumian tradisional dalam kalangan masyarakat tempatan. Kajian ini menyentuh tentang taburan keranda, pentarikhan dan kronologi adat dan pantang larang sepanjang proses pembuatan dan pengebumian. Sehubungan dengan itu, persoalan tentang fungsi dan jenis pola hias serta makna perlambangan terhadap semua bentuk pola hias juga ditekankan dalam kajian beliau. Dalam hal yang sama, beliau juga pernah menjalankan kajian tentang pengebumian yang sama namun lebih membincangkan tentang tradisi pengebumian kayu balak di Lembah Kinabatangan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat yang tinggal di sekitar Sungai Kinabatangan iaitu di tapak Lembah Danum

dan Gua Batu Tulug.<sup>12</sup> Menurutnya, banyak tapak gua dan pelindungan gua batu kapur yang mengandungi ratusan keranda kayu balak ditemui di sepanjang Sungai Kinabatangan yang dipercayai telah wujud sejak 1000 tahun dahulu.<sup>13</sup> Penulisan tentang pengebumian kayu balak di Sabah juga dijalankan oleh beberapa orang pengkaji lain seperti Nik Hassan Shuhaimi, Zuliskandar Ramli, Adnan Jusoh, dan Wan Noorlizawati Wan Mat Ali. Semua kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini ialah berkaitan dengan keranda kayu balak di Sabah. Motif yang diukir pada keranda tersebut mencerminkan cara fikir masyarakat pengamalnya.

<sup>11</sup> Stephen Chia & Peter Koon, *Recent discovery of an ancient log coffin in Semporna, Sabah*, Sabah Society Journal, 2003, hlm. 35-43.

<sup>12</sup> Yunus Sauman, *Tapak pengebumian purba di Lembah Danum, Hulu Segama, Sanah: Satu Tinjauan*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia (PURBA), 2001, hlm. 32-33.

<sup>13</sup> Yunus Sauman, *Tradisi pengebumian keranda kayu balak di Sabah dari perspektif etnoarkeologi*, Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015, hlm. 250.





Walaupun ada kajian mengenai pengebumian tradisional dijalankan oleh beberapa pengkaji yang lain, namun ianya lebih tertumpu kepada kawasan pantai barat Sabah iaitu di sepanjang Sungai Kinabatangan. Kajian arkeologi pengebumian tradisional ini pula berfokus kepada pengebumian keranda kayu balak yang terdapat di Sabah dan tidak menyentuh tentang pengebumian kubur gantung dalam kalangan masyarakat Melanau di Sarawak. Ini bermakna terdapat satu kekosongan yang perlu diisi dan dikaji dalam masyarakat pribumi Sarawak. Dalam hal ini, kubur gantung dilihat sangat bersesuaian untuk memenuhi kekosongan tersebut.

Kajian Stephen Morris terhadap masyarakat Melanau di Sarawak bermula pada tahun 1960an telah menjadi rujukan utama dalam penulisan ini. Stephen Morris telah mengetengahkan banyak perkara berkaitan dengan masyarakat Melanau pada zaman

tradisional terutamanya di kawasan Oya. Penulisannya adalah lebih cenderung kepada budaya masyarakat termasuklah agama, politik dan sosial masyarakat Melanau pada zaman tersebut. Dalam aspek sosial, Morris hanya menyentuh hal berkaitan dengan kematian namun tidak menyatakan secara terperinci berkaitan dengan pengebumian yang dijalankan. Menurut Morris, bagi masyarakat Melanau pada zaman lampau, waktu pengebumian dan juga selepasnya merupakan waktu yang paling penting demi untuk menunjukkan kekayaan dan kekuasaan seseorang Melanau.<sup>14</sup>

Beberapa kajian telah dijalankan berkaitan dengan masyarakat Melanau seperti penulisan Yasir Abdul Rahman yang mengkaji mengenai satu kajian budaya dalam kalangan masyarakat Melanau. Kajian beliau merangkumi politik, ekonomi dan sistem

<sup>14</sup> Stephen Morris, *A report on a Melanau sago producing community in Sarawak*, H.M Stationery Office, London, 1953, hlm. 146.





sosial masyarakat Melanau. Selain itu, Dzulfawati Haji Hassan juga pernah menjalankan kajian mengenai masyarakat Melanau iaitu mengenai upacara kematian dalam masyarakat Melanau tradisional. Dalam penulisan ini, beliau menyentuh mengenai upacara yang terlibat dalam menyempurnakan upacara kematian dalam masyarakat Likow. Beliau ada menyentuh sedikit mengenai kubur gantung dengan menyatakan bahawa kubur gantung ini merupakan pengebumian yang dilakukan oleh masyarakat pengamal sebelum diletakkan di dalam *jerunei*. Fungsi kubur gantung ini adalah sebagai tempat upacara menulang, iaitu dengan membiarkan mayat tersebut dalam keranda gantung selama beberapa tahun. Setelah mayat tersebut hanya tinggal tulang sahaja, barulah tulang tersebut akan dikutip dan diletakkan di dalam tempayan yang disebutkan sebagai ‘kanan’ oleh orang Melanau. Setelah itu, barulah tempayan tersebut diletakkan di dalam *jerunei* yang berfungsi sebagai persemadian terakhir kepada golongan bangsawan.<sup>15</sup> Beliau tidak menyebutkan secara menyeluruh tentang kubur gantung dan hanya memfokuskan kepada amalan-amalan yang dilakukan dalam upacara kematian sahaja.

Selain daripada Yasir Abdul Rahman dan Dzulfawati, Ann Appleton juga telah menjalankan kajian terhadap masyarakat Melanau di Sarawak. Penulisan Ann Appleton adalah lebih berfokuskan kepada adat dan kepercayaan tradisional masyarakat Melanau. Beliau menyentuh tentang peranan *A-bayoh* dalam upacara *berayun* iaitu pengubatan tradisional Melanau pada zaman dahulu. Dalam hal yang sama, beliau juga

<sup>15</sup> Dzulfawati Hassan, *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*, Universiti Malaysia Sarawak, 2006, hlm. 51.





menyatakan tentang ritual pengubatan tradisional dengan melibatkan hal kematian namun tidak pengebumian.<sup>16</sup>

Di Kalimantan, Indonesia pula, kajian Akin Duli memperlihat wujudnya pengaruh dari segi tradisi pengebumian sehingga kepada bentuk dan motif hias keranda. Menurut Akin Duli, masyarakat Toraja menjalankan pengebumian sekunder. Bagi masyarakat ini, pengebumian primer berfungsi sebagai pengebumian sementara untuk memberi peluang kepada ahli keluarga si mati untuk menjalankan persediaan menjalankan pengebumian sekunder. Sememangnya pengebumian sekunder yang bersifat kekal memerlukan perbelanjaan yang besar. Selain daripada dipengaruhi oleh kepercayaan yang disebut sebagai *Aluk*, tradisi pengebumian ini juga dipengaruhi oleh adat. Berdasarkan adat Toraja, masyarakat terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu golongan aristokrat, golongan pertengahan dan juga golongan hamba. Selain daripada cara pengebumian, status sosial individu juga dicerminkan melalui keranda *erong*. Keranda *erong* yang digunakan untuk meletakkan si mati dari golongan aristokrat mengikut bentuk perahu dan berukuran besar. Motif hias pada keranda merangkumi motif geometri, binatang dan juga antromorfik telah digunakan dalam masyarakat ini sejak zaman presejarah.<sup>17</sup> Oleh itu, tradisi pengebumian masyarakat ini dijalankan berbeza mengikut kumpulan sosial masing-masing. Motif hias yang berbentuk geometri, binatang dan juga antropomorfik yang diukir pada keranda *Erong* masyarakat Toraja<sup>18</sup> juga dapat dikesan pada keranda kubur gantung masyarakat Melana. Selain

<sup>16</sup> Ann Appleton, *Acts of integration, expressions of faith: Madness, death, ritual in Melana Ontology*, Massey University, 2004, hlm. 6-8.

<sup>17</sup> Akin Duli, *Perkembangan motif Pa' Sura' pada budaya keranda Erong di kawasan etnik Toraja*, Asian Journal of Environment, History and Heritage Vol. 1, P.87-102, hlm 91.

<sup>18</sup> Ibid. hlm 88.





itu, keranda yang digunakan untuk mengebumikan golongan aristokrat juga berbentuk seperti perahu.<sup>19</sup>

Secara kesimpulannya, kekosongan yang ditinggalkan oleh para pengkaji yang lepas telah membuka peluang untuk kajian ini dibuat. Sungguhpun kajian terhadap pengebumian pernah dilakukan di Borneo dan Sarawak khususnya, namun kebanyakannya adalah lebih kepada kajian arkeologi prasejarah yang tertumpu di Gua Niah. Begitu juga dengan penulisan berkaitan kebudayaan masyarakat Melanau yang dijalankan oleh beberapa pengkaji yang dilihat tidak menyentuh secara menyeluruh dan mendalam tentang tradisi pengebumian yang pernah dijalankan oleh masyarakat Melanau pada zaman tradisional.



Kini pengebumian tradisional kubur gantung di daerah Mukah, Sarawak telah lenyap akibat perubahan arus pemodenan yang berlaku termasuklah kawasan Kampung Tellian, khususnya. Kepupusan tradisi pengebumian ini disebabkan oleh beberapa faktor dalaman dan luaran sehingga kini ia menjadi tanda tanya. Sungguhpun demikian, pada peringkat awal dipercayai peranan penjajah Inggeris dilihat telah memberikan implikasi yang besar dalam masyarakat Melanau sejak tahun 1861 apabila keluarga Brooke mulai campur tangan di kawasan Mukah. Penjajah British telah mengubah kepercayaan masyarakat Melanau daripada kepercayaan *likow* kepada agama Kristian melalui pendidikan kepada masyarakat tempatan.

---

<sup>19</sup> Ibid. hlm. 89.





Justeru itu, pengetahuan masyarakat awam di negara ini khususnya mengenai tradisi kubur gantung kurang diketahui disebabkan kekurangan informasi. Pelbagai aspek yang menyelubungi tradisi ini perlu diketengahkan sama ada dari aspek praktis dan pengamalan, ciri-ciri fizikal kubur gantung, motif hiasan dan falsafah serta hubungkaitnya dengan sosiobudaya masyarakat Melana. Bukan setakat itu sahaja, usaha untuk melestarikan tradisi ini menghadapi beberapa cabaran menyebabkan tradisi ini semakin luntur. Dengan adanya kajian ini ia akan memberikan informasi yang mendalam berkaitan dengan kubur gantung untuk diketahui dan dihayati khususnya oleh masyarakat Melana dan orang awam di negara ini.

### 1.5 Objektif Kajian



Permasalahan kajian yang telah dinyatakan di atas membawa kepada objektif kajian yang seperti berikut:

- a) Mengkaji sejarah dan latar belakang masyarakat Melana di Kampung Tellian,Mukah.
- b) Menjelaskan tentang proses amalan yang dijalankan sebelum, semasa dan selepas upacara pengebumian.
- c) Menganalisis ciri-ciri kubur gantung di Kampung Tellian serta melihat hubung kaitnya dengan sistem kepercayaan Likow, status sosial dan falsafah dalam sosiobudaya masyarakat Melana tradisional.

### 1.6 Persoalan Kajian

- a) Apakah sejarah latar belakang masyarakat Melana di Kampung Tellian, Mukah, Sarawak?
- b) Bagaimanakah proses perlaksanaan amalan sepanjang upacara kematian?





- c) Sejauh manakah kubur gantung mencerminkan kehidupan masyarakat Melanau pada zaman tradisional?
- d) Apakah cabaran yang menyumbang kepada kepupusan pengamalan kubur gantung di Kampung Tellian?

## 1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan disiplin sejarah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang teliti dan tidak memerlukan bilangan responden yang banyak. Namun begitu, kaedah penyelidikan ini menuntut untuk memperoleh maklumat yang berkualiti dengan menumpukan kepada sampel yang kecil dalam suatu kumpulan.<sup>20</sup> Data kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah dalam bentuk rujukan ke perpustakaan, temubual, pemerhatian dan



### 1.7.1 Kepustakaan

Kaedah pertama yang digunakan ialah rujukan ke perpustakaan. Kaedah ini adalah untuk mengumpul data sekunder yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Contohnya adalah seperti buku, jurnal, laporan kajian terdahulu, dan peta. Bagi kaedah ini, maklumat dan juga data boleh didapati di beberapa institusi seperti Perpustakaan Tunku Bainun (UPSI), Perpustakaan CAIS (UNIMAS), Perpustakaan Universiti Malaya dan juga Pustaka Negeri Sarawak (Kuching). Selain itu, rujukan terhadap buku-buku akademik, latihan ilmiah, desrtasi dan juga kertas kerja yang ditulis oleh pengkaji yang

---

<sup>20</sup> Azizah Hamzah, *Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya*, Jurnal Pengajaran Media Malaysia 6(1), 2010, hlm. 5.





mengkaji dalam lingkungan tajuk yang hampir sama juga dilakukan. Rujukan penulisan Stephen Morris dan Ann Appleton menjadi rujukan utama dalam mendalami kajian ini. Maklumat sumber primer pula didapati daripada Arkib Negara Cawangan Sarawak iaitu dalam bentuk artikel dalam Sarawak Gazette. Melalui data yang terkumpul ini akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian dan juga dikembangkan menjadi maklumat yang baharu.

### **1.7.2 Etnoarkeologi**

Kaedah kedua yang digunakan untuk mengumpul maklumat kajian ini ialah kaedah etnoarkeologi. Menurut Kramer (1979), pendekatan etnoarkeologi merupakan satu ilmu untuk mempelajari aspek tingkah laku dan sosiobudaya suatu masyarakat dari segi perspektif arkeologi yang kemudiannya dikaitkan dengan analogi secara teori yang dihasilkan daripada pemerhatian masa kini. Penggabungan ini akan membantu dalam menginterpretasi sesuatu proses dan peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Secara ringkasnya, kaedah ini digunakan untuk memahami maksud simbol, pengebumian dan struktur kubur yang dikaji dalam kajian ini di samping memahami corak tingkah laku sosial masyarakat pengamal tradisi kubur gantung di Kampung Tellian, Mukah.

### **1.7.3 Temu Bual**

Kaedah ketiga yang digunakan untuk mengupas kajian ini adalah kaedah temu bual. Kaedah temu bual dalam pendekatan kualitatif terbahagi kepada dua bahagian iaitu temu bual mendalam dan temu bual kumpulan fokus. Dalam kajian ini, temu bual mendalam telah dipilih untuk mengupas dengan lebih lanjut tentang kajian. Catatan





Kamarul Azmi Jasmi (2012) mencatatkan bahawa kaedah temu bual mendalam menggunakan penemu ramah yang menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Sebarang maklumat yang disebutkan oleh responden merupakan data penting kajian.<sup>21</sup> Oleh itu, pengkaji memilih kaedah ini untuk mengupas maklumat tentang kajian demi untuk memahami secara mendalam tentang sosiobudaya masyarakat Melanau masa kini di samping untuk mendapatkan maklumat mengenai kubur gantung yang dikaji. Temubual ini tidak terbatas kepada individu yang mempunyai pengetahuan khusus mengenai kubur gantung malah juga fleksibel terhadap individu lain yang mempunyai maklumat mengenai kajian.

#### 1.7.4 Pemerhatian

Kaedah terakhir ialah pendekatan melalui kaedah pemerhatian. Dalam hal ini, pengkaji akan menggunakan kedua-dua jenis pemerhatian yang disebutkan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2012) iaitu pemerhatian secara terus dan juga pemerhatian melalui penglibatan. Pengkaji akan membuat pemerhatian secara terus ke lapangan untuk mengira jumlah dan meneliti tapak kubur gantung yang terdapat di Kampung Tellian. Pemerhatian secara penglibatan juga dijalankan demi untuk memahami dengan jelas tentang sosiobudaya masyarakat yang dikaji. Melalui kaedah pemerhatian ini akan membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih telus dan bertepatan dengan situasi yang berlaku dalam komuniti tersebut.

<sup>21</sup> Kamarul Azmi Jasmi, *Metodologi pengumpulan data*, Dlm. *penyelidikan kualitatif* in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, at Puteri Resort Melaka on 28 - 29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, 2012, hlm. 3.





## 1.8 Kepentingan Kajian

Kampung Tellian yang terletak di daerah Mukah, Sarawak merupakan sebuah kawasan yang mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan sebagai tapak warisan sejarah dan juga pelancongan di Sarawak. Hal ini didorong oleh keunikan sosiobudaya masyarakat tersebut yang sebahagian besarnya masih dikekalkan sehingga sekarang. Tambahan pula kawasan ini mempunyai tinggalan bersejarah yang boleh dijadikan sebagai tumpuan untuk menarik pelancong dari serata dunia.

Oleh itu, kajian ini amat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai asas kesedaran dalam masyarakat setempat iaitu komuniti Melanau Mukah sendiri tentang keunikan tradisi pengebumian gantung yang pernah diamalkan oleh nenek moyang mereka pada suatu ketika dahulu. Bagi mencapai sesuatu yang lebih besar, perubahan dari segi kesedaran perlu diterapkan dalam diri individu dalam komuniti tersebut sendiri terlebih dahulu. Dengan adanya kajian ini sedikit sebanyak mampu membantu masyarakat Melanau Mukah untuk mengenali sejarah tradisi dan amalan yang pernah dipraktiskan pada zaman dahulu. Memandangkan tradisi pengebumian kubur gantung telah tidak dipraktiskan lagi, maka kajian ini sangat penting untuk membuka mata komuniti tempatan untuk menghargai tinggalan warisan yang unik dalam komuniti mereka. Dengan adanya kesedaran dalam aspek ini, tinggalan warisan bersejarah yang wujud di kampung mereka akan dihargai dan dijaga dengan rapi. Warisan budaya yang dimiliki perlu dikekalkan dan dijaga kerana ia menggambarkan jati diri dan lambang sesebuah komuniti.





Selain daripada kepentingan dari segi kesedaran dalam masyarakat tempatan, kajian ini juga penting untuk membuka mata pihak kerajaan negeri tentang kewujudan tapak tinggalan warisan yang terdapat di Kampung Tellian, Mukah. Dengan adanya kajian ini diharap agar tapak tinggalan kubur gantung di Kampung Tellian mampu meraih perhatian pihak kerajaan negeri untuk mewartakan tapak tersebut sebagai tapak warisan negeri. Seiring dengan cadangan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang meminta kerajaan negeri agar segera mewartakan tapak warisan Makam Bongkissam yang terletak di Santubong, Sarawak, diharapkan kerajaan negeri juga akan melakukan perkara yang sama terhadap tapak kubur gantung di Kampung Tellian.

Selain itu, kajian ini juga sangat penting demi untuk menjaga dan memelihara aset warisan negara. Tapak tinggalan bersejarah seperti kubur gantung dilihat mampu untuk menjadi daya tarikan pelancongan sama ada pelancongan domestik mahupun antarabangsa. Pengekalan bahan tinggalan sejarah seperti ini berupaya untuk menggamit hati para pelancong untuk melihat sendiri tentang keunikan tradisi dan binaan masyarakat terdahulu. Aset warisan negara ini merupakan satu faktor utama dalam kerancakan industri pelancongan dan secara tidak langsung juga menjadi penyumbang utama dalam peningkatan ekonomi negara. Pengkaji yakin bahawa tapak kubur gantung yang terdapat di beberapa buah kawasan di Kampung Tellian, Mukah mampu menarik pelancong untuk datang ke Mukah. Ini kerana pengamalan tradisi kubur gantung tidak dipraktiskan di mana-mana kawasan, daerah mahupun negeri lain di Malaysia kecuali di Kampung Tellian, Mukah sahaja.





Kajian ini juga mempunyai kepentingan dari segi akademik. Kajian ini diharapkan boleh menjadi panduan dalam membekalkan maklumat terutamanya dari segi kebudayaan masyarakat Melanau tradisional. Meskipun terdapat kajian yang menulis mengenai kubur gantung namun secara keseluruhan adalah secara ringkas sahaja. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapat membantu pelajar institusi mahupun pengkaji lain yang ingin mengetahui secara lebih mendalam tentang kubur gantung dalam kalangan masyarakat Melanau pada zaman tradisional.

### 1.9 Skop Kajian

Skop masa diambil adalah daripada tahun 1800 sehingga 1900. Signifikannya adalah terdapat dalam diari P.C.B Newington pada tahun 1913 yang menuliskan tentang *jerunei*. Walaupun beliau tidak menyatakan secara jelas usia pengebumian *jerunei*, namun beliau menyatakan bahawa *jerunei* merupakan sebuah tiang pengebumian lama (*ancient burial*) yang telah diamalkan pada zaman lampau. Pengkaji menyimpulkan bahawa usia kubur gantung di sekitar kawasan tersebut adalah hampir sama dengan *jerunei*. Hal ini kerana kubur gantung merupakan pengebumian primer yang perlu dilakukan sebelum pengebumian sekunder iaitu *jerunei*. Selain itu, dalam penulisan Ann Appleton (2011) ada menuliskan bahawa kubur gantung di Kampung Tellian berusia 200 tahun. Dalam hal ini, apabila ditolakkan 200 tahun daripada tahun 2011, adalah tahun 1811. Oleh itu, pengkaji mengambil skop masa seperti yang telah dinyatakan.





Kampung Tellian, Mukah dipilih sebagai skop ruang. Hal ini demikian kerana masih terdapat beberapa buah kubur gantung di sekitar Kampung Tellian yang boleh dikaji kerana strukturnya masih dalam keadaan yang baik. Dengan adanya tapak kubur gantung tersebut telah membuktikan bahawa tradisi pengebumian ini sememangnya pernah diamalkan di kawasan tersebut.

Aspek yang ditekankan dalam kajian ini ialah tentang pengebumian kubur gantung dari segi fizikal dan masyarakat pengamalnya iaitu orang Melanau. Kajian ini akan memfokuskan kepada kubur gantung secara khusus kerana masih tiada kajian yang pernah dibuat mengenainya.

## 1.10 Pembahagian Bab



Penulisan ini mengandungi lima bab.

### 1.10.1 Bab 1

Bab satu merupakan bahagian pengenalan kepada penulisan kajian yang dijalankan. Antara aspek yang dibincangkan dalam bab satu ialah seperti pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan kajian literatur, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan yang terakhir sekali ialah pembahagian bab.

### 1.10.2 Bab 2

Bab kedua pula akan membincangkan mengenai latar belakang masyarakat Melanau di Kampung Tellian, Mukah, Sarawak. Di awal perbincangan bab ini akan memfokuskan





kepada petempatan masyarakat Melanau iaitu Mukah dan Kampung Tellian. Kemudian penulis akan menyentuh tentang asal usul masyarakat Melanau serta petempatan masyarakat ini di Sarawak secara umum. Penulis juga akan menyentuh tentang kegiatan ekonomi, struktur sosial serta adat kepercayaan tradisional masyarakat yang terlibat.

### 1.10.3 Bab 3

Bab tiga membincangkan tentang praktis pengebumian tradisional masyarakat Melanau di Sarawak. Fokus penulisan dalam bab ini ialah berkaitan dengan upacara kematian sehinggalah kepada upacara pengebumian dalam masyarakat Melanau. Selain itu, penulis juga akan menuliskan mengenai jenis pengebumian yang telah dipraktiskan oleh masyarakat lain yang turut menjalankan pengebumian sekunder dalam komuniti mereka. Namun, pengkaji tetap memfokuskan kepada pengebumian kubur gantung dalam masyarakat Melanau di Kampung Tellian.

### 1.10.4 Bab 4

Bab empat membincangkan tentang analisis dalam tradisi pengebumian gantung masyarakat Melanau di Kampung Tellian. Bab ini merangkumi analisis fizikal kubur gantung, keranda dan juga objek pengebumian yang dijumpai di kawasan kajian. Analisis ini termasuklah dari segi ukuran, bentuk dan motif yang terdapat pada keranda kubur gantung yang dikaji.





### 1.10.5 Bab 5

Bab kelima pula membincangkan tentang faktor dalam mengekalkan tapak peninggalan kubur gantung yang semakin terancam akibat pembangunan sosioekonomi dalam masyarakat Melanau Kampung Tellian, Mukah. Cabaran merupakan halangan dan ancaman untuk mengekalkan tapak pengebumian serta mengekalkan tradisi pengebumian gantung agar tidak dilupakan.

### 1.10.6 Bab 6

Bab keenam merupakan kesimpulan yang menghimpunkan hasil dapatan kajian ini.



Kubur gantung merupakan pengebumian tradisional yang pernah diamalkan oleh masyarakat melanau di Kampung Tellian, Mukah, Sarawak pada zaman lampau. Kubur gantung dibina untuk dijadikan tempat perseadian golongan kelas bangsawan dan juga pertengahan seperti golongan *Sembilan Pikul* dan golongan *Tujuh Pikul*. Meskipun pengebumian kubur gantung ini turut diamalkan oleh beberapa kaum lain di Sarawak dan termasuklah di Kalimantan Timur, Indonesia, namun ciri pembinaan serta amalan yang dipraktiskan dalam tradisi ini adalah berbeza mengikut adat dan kepercayaan yang diamalkan dalam masyarakat masing-masing. Tradisi kubur gantung di Kampung Tellian mempunyai signifikannya yang tersendiri dalam konteks praktis pengebumian masyarakat Melanau di Sarawak.





Penelitian terhadap beberapa kajian lepas mendapati bahawa masih tiada penulisan dan penyelidikan ilmiah yang lengkap dan komprehensif tentang pengebumian kubur gantung di Kampung Tellian. Hal ini demikian kerana kebanyakan penulisan lebih memfokuskan kepada sejarah sosiobudaya dalam masyarakat sahaja. Selain itu, kajian arkeologi pengebumian di Sarawak kebanyakannya tertumpu terhadap pengebumian prasejarah di Gua Niah. Keadaan ini menyebabkan pengebumian tradisional yang pernah diamalkan oleh masyarakat di Sarawak menjadi terpinggir.

Penyelidik berpendapat bahawa penyelidikan mengenai kubur gantung dalam masyarakat Melanau tradisional di Kampung Tellian, Mukah ini sangat penting untuk dilaksanakan disebabkan oleh kurangnya maklumat dan rekod sejarah mengenainya.

Hasil kajian ini penting sebagai sumber faktak yang berupaya untuk melengkapi kekurangan dalam sejarah pengebumian tradisional di Sarawak terutamanya dalam masyarakat Melanau. Kajian ini juga sekaligus akan mengesahkan fakta tentang kewujudan pengamalan pengebumian sekunder dalam kalangan masyarakat Melanau pada zaman tradisional.

